



## PELEPASAN SISA AIR RADIOAKTIF TERAWAT FUKUSHIMA

**28 Ogos 2023, Wisma Tani** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil perhatian serius terhadap **kenyataan akhbar tempatan berkaitan pelepasan sisa air radioaktif terawat Fukushima** bertarikh 24 Ogos 2023 serta kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 23 Ogos 2023, di mana KKM akan mengenakan pemeriksaan Tahap 4 (pengawasan) di pintu masuk negara terhadap produk makanan berisiko tinggi yang dimport dari negara Jepun untuk analisis kandungan bahan radioaktif.

Dalam perkara ini, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan memberikan kerjasama kepada KKM bagi memastikan hasil perikanan di pasaran adalah bebas bahan pencemar.

Pihak DOF juga mengingatkan semua pengimport produk hasilan perikanan Jepun supaya mematuhi peraturan import dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam negara bagi memastikan makanan yang diimport adalah selamat. Setiap konsainan perlu mempunyai Sijil Kesihatan oleh Pihak berkuasa Negara Jepun.

Sebagai langkah kawalan, **DOF akan memastikan import ikan marin (hidup) adalah bebas daripada kandungan cemaran radionuklid dan setiap konsainan perlu mempunyai Sijil Kesihatan Ikan daripada negara pengimport yang sedang berkuatkuasa**. Semua pengimport konsainan ikan hidup perlu memohon permit import daripada MAQIS dan mematuhi syarat-syarat permit import yang telah dinyatakan oleh DOF di dalam permit MAQIS tersebut.

Untuk rekod, Malaysia mengimport hasilan perikanan bagi tujuan makanan daripada negara Jepun secara sejuk beku iaitu produk ikan sardin dan ikan mackerel. Manakala, bagi ikan hidup daripada Jepun, **Malaysia hanya mengimport ikan hiasan (Air Tawar) seperti Koi Carp (*Cyprinus carpio*)**. Pengimportan ikan hidup ini hanya melibatkan ikan hiasan air tawar sahaja dan bukan ikan marin.

KPKM melalui Jabatan/Agenzi **sentiasa memastikan SOP Pemantauan dilaksanakan sebaik mungkin secara berterusan dan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk memastikan keselamatan makanan dan keterjaminan makanan kepada seluruh rakyat Malaysia**.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)